

'Henti lagakan saya, Tun M'

BH- 8/11/2019 m/s 9

➔ Presiden PKR beri amaran pemimpin gemar bermuka-muka

Oleh Nadia Hamid
nnadia@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi amaran kepada pemimpin yang bermuka-muka dan terus cuba melaga-lagakan beliau dengan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, supaya menghentikan tindakan itu.

Ahli Parlimen Port Dickson itu yang mengulangi penegasan tiada konflik antara beliau dengan Dr Mahathir, turut memberi isyarat kepada kepemimpinan Pakatan Harapan (PH) supaya berwaspada dengan golongan ini.

Katanya, beliau menyedari wujudnya watak (pemimpin) yang disifatkan mempunyai niat buruk supaya parti gabungan baharu itu gagal.

"Saya menggesa kepimpinan (PH) berwaspada dengan 'pemuka-pemuka' ini yang lebih senang dengan budaya kronisme dan cubaan mereka untuk menimbun harta kekayaan serta mengabaikan keadilan dan kebajikan rakyat.

Berusaha penuhi janji

"Mari kita bergerak ke depan dan bekerja ke arah menjadikan Malaysia yang progresif, sejahtera serta aman sentosa," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, kerajaan sedang berusaha memenuhi janji kepada rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama serta menolak sebarang bentuk prejudis dan ancaman mengganggu gugat ketenteraman awam.

Katanya, kepemimpinan parti gabungan harus kekal fokus terhadap isu yang menekan dengan meringankan beban rakyat, menyegerakan reformasi



Saya menggesa kepimpinan (PH) berwaspada dengan 'pemuka-pemuka' ini yang lebih senang dengan budaya kronisme"

Anwar Ibrahim,
Presiden PKR

institusi dan mengheret mereka yang mensabotaj dana awam ke muka pengadilan.

Sementara itu, Anwar meminta rakyat dan kepemimpinan PH memberi ruang dan dukungan untuk Dr Mahathir terus mengemudi kerajaan sebelum peralihan kuasa Perdana Menteri diserahkan kepada beliau.

Katanya, pelbagai andaian membabitkan soal peralihan kuasa yang dilaporkan media perdana dan media sosial, dengan mengandaikan wujudnya pertembungan dalam kalangan pimpinan.

"Saya ingin mengulangi tidak wujud sebarang pertelingkahan antara saya dan Dr Mahathir berhubung soal peralihan kuasa.

"Kita bersetuju berkenaan proses dan pelan transisi (peralihan kuasa) dan juga dimuafakati pada peringkat (kepemimpinan tertinggi) PH.

"Sejurus pertemuan saya bersama Dr Mahathir pada Rabu lalu, saya mengulangi pendirian Dr Mahathir wajar diberi ruang dan dukungan untuk mengemudi kerajaan," katanya.